

Suara

muzium kelantan



PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

Bilangan 7 | Keluaran 2019

Percuma / Free Issues



ARTIFAK BARU MUZIUM PESAWAT A4 SKYHAWK

MS
20

ESPORT

13,819,744
10 ATLET ESPORTS MALAYSIA
PAMERAN REVOLUSI E-SPORT

Pameran Revolusi E-Sport

MS 10

MALAI PRAKASA

Pameran Rekreasi Animasi @ Muzium

MS 12

Sambutan Hari Muzium Antragabangsa 2019

MS 18



<http://www.muzium.kelantan.gov.my>



[www.facebook.com/pages/
muziumnegerikelantan](http://www.facebook.com/pages/muziumnegerikelantan)



<http://twitter.com/muziumkelantan>



muzium@kelantan.gov.my



[http://instagram.com/
muziumkelantan](http://instagram.com/muziumkelantan)

SIDANG REDAKSI



PENAUNG

YB. Mejar (B) Dato' Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman

Pengerusi Jawatankuasa
Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan,
Warisan dan Pelancongan Negeri
Kelantan merangkap Pengerusi
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



YB. MEJAR (B) DATO' HJ. MD. ANIZAM

BIN AB. RAHMAN

Pengerusi Jawatankuasa
Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan,
Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan
merangkap Pengerusi Perbadanan Muzium
Negeri Kelantan.



PENASIHAT

YABrs. En. Arifin bin Hj. Hussin

Pengarah
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



YABRS. EN. ARIFIN BIN HAJI HUSSIN

Pengarah

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



KETUA EDITOR

Mohd Izwadi bin Che Ismail



EDITOR

Muhamad Ali Hussaini bin Md Aminullah

Sahrul Hisham bin Abdul Ra-aid

Siti Khalisal binti Mohd Sari



GRAFIK

Mohd Ali Riduan bin Daud



JURUFOTO

Sabki bin Ibrahim

oleh Unit Pengurusan :-

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN
Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

No. Tel: 09-748 2266

Fax: 09-747 3366

Laman Web: www.muzium.kelantan.gov.my

Dari Meja KETUA EDITOR

Alhamdulilah...

Bertemu kembali dalam edisi ke-tujuh Suara Muzium bagi tahun 2019. Terlebih dahulu bersyukur saya kehadrat Allah, kerana dengan limpah kurnia-Nya Suara Muzium ini dapat diterbitkan. Suara Muzium ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan informasi kepada masyarakat serta semua warga Muzium Negeri Kelantan berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Kejayaan dalam melaksanakan aktiviti ini kerana dorongan dan sokongan yang padu dari Dato' Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, YB Mejar (B) Dato' Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman dan hasil kerja kuat Pengarah Muzium Negeri Kelantan YABrs Encik Arifin Bin Hussin serta komitmen yang tinggi dari pegawai dan kakitangan muzium.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan seingga-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua Editorial Suara Muzium bilangan 7/2019 dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan pada kali ini. Saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus kekal pada masa akan datang.

KANDUNGAN

Suara

muzium kelantan

AMANAT 2019



4

PAMERAN KUCING



5

SENI KHAT



6

COVER SUARA



2

SIDANG REDAKSI

2

MODEL BERSKALA



7

KAYUHAN WARISAN



8

BERMALAM DI MUZIUM



9

SENJATA CANTIK



10

PAMERAN REVOLUSI



11

PENSENI@40



12

PAMERAN REKREASI



13

HIDUP SIHAT



14

JEJAK SANG TAWAL



15

PERSARAAN



16

PENGLIBATAN MUZIUM



17

PROGRAM/LAWATAN



18

HARI MUZIUM



19

SUKAN JABATAN



20

ARTIFAK BARU



21

BERITA STAFF



22

TERBITAN MZK



23

AMANAT TAHUN BARU **2019**

PENGARAH MUZIUM KELANTAN



PERJUMPAAN PENGARAH PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN, YABRS HAJI ROSLAN BIN HASSAN BERSAMA KAKITANGAN SEMPENA TAHUN BAHARU 2019 PADA 7 JANUARI 2019 (ISNIN) DI MUZIUM NEGERI





PAMERAN & PERTANDINGAN KUCING 2019

Pada 2 Mac 2019, bertempat di Muzium Negeri Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah berlangsungnya Pertandingan Kucing 2019. Pameran dan Pertandingan yang julung-julung kali diadakan di Muzium Negeri Kelantan ini mendapat kerjasama daripada Persatuan Tu4 Society dan juga Kelantan Cat Owner Club (KCOC) serta penajaan penuh daripada Happy Cat Malaysia dan Candy Pet House.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan daripada peminat-peminat kucing dan sebanyak 111 ekor kucing telah dipertandingkan untuk lima kategori pertandingan. Dua orang juri yang arif telah dijemput iaitu Dr. Sara binti Umar dan En. Mohd Hussien bin Dato' Abdul Wahab bagi mengadili pertandingan ini.

Pemenang pertandinga iaitu Best In Show telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM 1,000 serta hadiah iringan. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan iaitu Tuan Haji Ruslan bin Haji Hassan yang disaksikan oleh wakil Happy Cat Malaysia dan wakil Candy Pet House sebagai penaja utama pertandingan.





PERTANDINGAN SENI KHAT 2019

Program tahunan kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam telah menganjurkan Program Madinah Ramadhan bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu. Sempena program ini, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan kerjasama Persatuan Seni Khat Kelantan telah mengadakan pertandingan dan pameran seni khat pada 9 Mei 2019 (Khamis) bersamaan 4 Ramadhan 1440H. Kategori yang dipertandingkan adalah secara spontan iaitu sekolah rendah, menengah dan dewasa yang disertai seramai 200 orang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dibawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK), sekolah agama persekutuan dan pencinta seni khat.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Hassan Mohamood, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Kelantan mewakili Dato' Exco. Objektif pertandingan dan pameran ini diadakan adalah untuk memartabatkan dan mempromosikan seni penulisan khat, mencungkil serta menghargai bakat-bakat yang ada dalam masyarakat.





PAMERAN MODEL BERSKALA DI MUZIUM PERANG (BANK KERAPU)

Majlis Perasmian Pameran Model Berskala telah disempurnakan oleh YABrs. Encik Arifin Bin Haji Hussin, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Pameran Model Berskala bersempena Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia ke-62 ini akan berlangsung selama sebulan bermula dari 24 Ogos hingga 24 September di Muzium Perang (Bank Kerapu), dibuka pada jam 8.30 pagi - 5.00 petang (Sabtu - Rabu), 8.30 pagi - 3.30 (Khamis) dan ditutup pada hari Jumaat. Manakala bayaran masuk RM3 untuk Dewasa dan RM2 untuk Kanak-kanak.






KAYUHAN WARISAN

YB Dato' Haji Hassan Bin Mohamood, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan ketika melakukan sesi pelepasan acara berbasikal Kayuhan Warisan sempena Bulan Kemerdekaan 2019 pada 30 Ogos 2019 (Jumaat) bertempat di Dataran Warisan (Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV).

Program ini dianjurkan secara bersama di antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Kelantan dan mendapat penyertaan seramai 600 peserta.

Turut hadir bersama adalah YABrs. Tuan Hj. Arifin Bin Hussin, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan YABrs. Encik Mohd Aidil Afizie Bin Daud, Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni, Budaya Malaysia, Kelantan.





BERMALAM DI MUZIUM

Tahun ini merupakan penyertaan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan kali keduanya selama penganjuran oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Pada tahun ini juga Muzium Islam telah dipilih sebagai lokasi bermalam pagi pelajar-pelajar sekolah yang menyertai. Seramai 27 orang peserta dari 2 buah sekolah di Kelantan terlibat dalam menjayakan program ini.

Mereka akan terlibat secara langsung dalam semua aktiviti yang disediakan selama 2 hari 1 malam di muzium. Pada sebelah malamnya pula mereka akan bermalam di muzium bersama dengan artifak-artifak yang ada di ruangan legar pameran. Antara objektif penganjuran program ini adalah untuk mendekatkan muzium kepada pelajar sekolah sebagai salah satu tempat pendidikan dan pembelajaran. Selain itu dapat juga mendedahkan kepada pelajar-pelajar sekolah tentang fungsi institusi permuziuman itu sendiri.

Perasmian Program Bermalam di Muzium bagi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah disempurnakan oleh En. Arifin Bin Hj. Hussin, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



Antara program yang dianjurkan sepanjang bermalam di Muzium



PAMERAN & PERTANDINGAN SENJATA CANTIK



14 sehingga 21 September 2019, bertempat di Muzium Adat Istiadat DiRaja Kelantan telah berlangsungnya Pameran dan Pertandingan Senjata Cantik 2019. Pertandingan Senjata Cantik telah dijayakan pada 14 September 2019 manakala pameran senjatanya pula telah diteruskan sehingga 21 September 2019 bertempat di Balai Senjata, Muzium Adat Istiadat DiRaja Kelantan. Pertandingan ini telah mendapat kerjasama dengan Persatuan Senipurba Dan Kraftangan Kelantan dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Seramai 20 peserta telah menyertai Pertandingan Senjata 2019 yang diadakan. Pelbagai jenis senjata dipamerkan mengikut kategori dan syarat pertandingan. Selain daripada itu, terdapat juga satu forum khas berkaitan dengan senjata Melayu telah diadakan pada hari yang sama sebagai memeriahkan lagi hari pertandingan. Pemenang telah membawa pulang hadiah utama yang berupa wang tunai sebanyak RM 3,000.00.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan pengarah perbadanan Muzium Negeri Kelantan sendiri, Tuan Arifin bin Hussin yang disaksikan oleh Pengurus Persatuan Senipurba dan Kraftangan Kelantan. Selain daripada pertandingan senjata, terdapat juga lima orang pemilik peribadi senjata Melayu yang telah memamerkan keris-keris milik mereka di Balai Senjata sebagai tatapan umum.





PAMERAN REVOLUSI E-SPORT

Pameran Revolusi E-Sport telah berlangsung pada 22 Ogos hingga 22 Oktober 2019 di Muzium Negeri Kelantan. Program berbentuk permainan e-sport ini memberi peluang kepada pelawat untuk melihat sendiri sejarah permainan video dan dalam masa yang sama memberi peluang untuk mencuba sendiri permainan video tersebut. Bersempena dengan program ini juga turut berlangsung 2 program tambahan lain iaitu Pertandingan Melukis dan Pertandingan Beyblade Burst.

PERTANDINGAN MELUKIS & MEWARNA




Pertandingan Melukis Dan Mewarna Sempena Pameran Revolusi E-Sport yang diadakan pada 16 September 2019 (Isnin) di Muzium Negeri Kelantan. Sebanyak 3 kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori A berumur 4 - 6 tahun, Kategori B berumur 7 - 9 tahun dan Kategori C berumur 10 - 12 tahun. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YABrs. Encik Arifin Bin Haji Hussin, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

PERTANDINGAN BEYBLADE BURST



Pertandingan Beyblade Burst yang berlangsung seawal 8.00 pagi pada 27 September 2019 (Jumaat) di Muzium Negeri Kelantan. Seramai 66 orang peserta telah mengambil bahagian dalam dua kategori yang dipertandingkan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan pada jam 11.30 tengahari oleh YABrs. Encik Arifin Bin Haji Hussin, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



PROGRAM PERSENI@40

Majlis Pelancaran Program Peseni@40 di Balai Seni Lukis Kelantan. Program yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI) ini diadakan bagi memperingati penubuhan PESENI selama 40 tahun sejak tahun 1979 lagi.

Matlamat awal penubuhan PESENI adalah untuk mengumpul pelukis-pelukis Kelantan bagi memperkasa pembangunan seni tampak tanah air. Sehingga kini PESENI mempunyai lebih daripada 200 orang ahli.

Aktiviti yang terdapat dalam program ini ialah Pameran Sejarah PESENI, Program Pelukis Pelopor, Pameran Pelukis Semasa dan Anugerah Tokoh PESENI. Pameran Senilukis ini telah disertai oleh 38 orang ahli dengan 76 buah karya dari berbagai saiz dan medium.




Program ini berlangsung pada 15 Oktober hingga 15 Disember 2019. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Mej. (B) Dato' Hj. Md. Anizam Bin Ab. Rahman, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Pelancongan Dan Warisan Negeri Kelantan. Turut hadir bersama ialah YB Dato' Hj. Hassan Bin Mohamood, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Pelancongan Dan Warisan Negeri Kelantan dan YABrs Encik Arifin Bin Haji Hussin, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.






PAMERAN REKREASI ANIMASI @ MUZIUM



Bermula 5 November 2019 telah berlangsungnya Pameran Rekreasi Animasi @ Muzium bertempat di Galeri muzium Negeri, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Pameran ini merupakan pameran anjuran bersama Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan Timeline Creative, Kuala Lumpur. Pada 13 November 2019, telah berlangsungnya Majlis Perasmian pameran yang disempurnakan oleh YB. Mejar (B) Dato' Hj. Md. Anizam B. Ab. Rahman, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Pelancongan Dan Warisan Negeri Kelantan, merangkap Pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan di saksikan oleh YBhg. Datok Hassan Bin Saad, Penasihat Projek, Timeline Creative Sdn. Bhd.






PROGRAM HIDUP SIHAT TANPA TIBI

Program Hidup Sihat Tanpa Tibi pada 14 Disember 2019 (Sabtu) di Gong Tengah, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

Program kesedaran mengenai kesihatan ini merupakan sebuah program kerjasama anjuran Panel Penasihat Klinik Kesihatan Pengkalan Chepa, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Gong Tengah.





Program Jejak Sang Tawal Berbusana Menelusuri Sejarah

Program Jejak Sang Tawal, Berbusana Menelusuri Sejarah adalah pengenalan kepada sejarah permulaan Kerajaan Kelantan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mempromosikan dan menggalakkan pelancong mengenali Zon Pelancongan Kota Bharu yang telah lama sedia ada serta menjadikan muzium-muzium sebagai produk utama yang wajib dilawati dalam mengenali kewujudan Zaman Pemerintahan Negeri Kelantan. Program sehari ini merupakan program bersama Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kelantan (MOTAC), Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Yayasan Kraftangan Negeri Kelantan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Hotel Royal Guest House, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri Kelantan (JKKN), Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan serta Persatuan Busana Kelantan. Program yang berlangsung pada 28 Disember 2019 telah memberi impak positif dan kelainan dalam mempromosi Negeri Kelantan melalui berbusana Melayu.



PERSARAAN KAKITANGAN

1



NAMA : EN. NIK MUHAMED BIN NIK MUSTAPHA

JAWATAN : PEMBANTU OPERASI (H14)

TARIKH BERSARA : 31 JANUARI 2019

TEMPOH BERKHIDMAT : 1986 - 2019

2



NAMA : EN. WAN JAAFAR BIN JUSOH

JAWATAN : KETUA PEMBANTU MUZIUM (S22)

TARIKH BERSARA : 12 OKTOBER 2019

TEMPOH BERKHIDMAT : 2006 - 2019

3



NAMA : TUAN HJ. ABUSTARIM BIN YAACOB

JAWATAN : KETUA PENOLONG PENGARAH (S44)

TARIKH BERSARA : 30 NOVEMBER 2019

TEMPOH BERKHIDMAT : 1982 - 2019

HARI KELUARGA MUZIUM

SUTRA BEACH RESORT, SETIU, TERENGGANU - 3 - 4 MEI 2019



PENGLIBATAN MUZIUM

**"PAKAT MAGHI MAIN" SEMPENA KACF 2019
DI PERKARANGAN STADIUM SULTAN MUHAMMAD IV - 22 - 23 MAC 2019**



**MAJLIS PERASMIAN TAMAN MEMORIAL KEAMANAN KOTA BHARU
DI TAMAN AL-FUSAN, PENGKALAN CHEPA - 4 JULAI 2019**



**PAMERAN PERMAIANAN TRADISIONAL SEMPENA FESTIVAL KESENIAN RAKYAT KELANTAN
DI PANTAN GENTING, TUMPAT - 11 - 13 JULAI 2019**



**PAMERAN WAU SEMPENA PESTA WAU ANTARABANGSA KELANTAN 2019
DI PANTAI GENTING, TUMPAT - 29 - 31 OGOS 2019**



**SOFT-LAUNCH TAHUN MELAWAT KELANTAN 2020
DI DATARAN REHAL, KOTA BHARU - 28 NOVEMBER 2019**



PROGRAM LAWATAN

LAWATAN KE TAPAK BERSEJARAH BUKIT MERAK - 31 JANUARI 2019



LAWATAN DYT M RAJA MUDA PERLIS KE KUALA PAK AMAT - 15 SEPTEMBER 2019



LAWATAN PEJANAT KDYMM SULTAN PAHANG KE MUZIUM - 24 NOVEMBER 2019



PROGRAM PEMULIHARAAN

PEMBERSIHAN MAKAM RAJA ABDULLAH - 4 MAC 2019



GOTONG ROYONG MENGALIH PERAHU KE MUZIUM PERANG - 9 MEI 2019



MENAIK TARAF KUBUR TOK JANGGUT - 12 DISEMBER 2019





Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Sabah 2019

Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Sabah 2019 telah diadakan pada 15 hingga 20 Julai 2019 bertempat di Muzium Sabah yang dihoskan oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah. Tema pada tahun ini ialah Muzium Sebagai Hab Kebudayaan: Kelangsungan Tradisi. Pelbagai program telah diatur di sepanjang 5 hari, bukan sahaja melibatkan warga muzium malah turut melibatkan masyarakat setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Mohammadin Bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Dalam ucapan beliau, mengucapkan selamat datang kepada rombongan Muzium dari Kalimantan Barat, Indonesia dan Muzium-Muzium seluruh Malaysia yang berada di Sabah menjayakan program tersebut.



SUKAN JABATAN

PESTA AIR KUALA PERLIS 2019

PADA : 7 & 8 SEPTEMBER 2019 TEMPAT : KOMPLEKS LKIM, KUALA PERLIS



Pesta Air Kuala Perlis merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh MOTAC Perlis dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis bertempat di Kompleks LKIM Kuala Perlis. Ia merupakan penganjuran kali keenam sejak diperkenalkan pada tahun 2014. Pesta ini telah diadakan pada 7 hingga 8 September 2019 yang memberi fokus terhadap aktiviti sukan air seperti Pertandingan Perahu 20 pendayung, Perahu 14 pendayung, Perahu 12 Pendayung dan jemputan antarabangsa serta agensi dan jabatan. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menghantar seramai 20 orang bagi menyertai pertandingan Perahu. Sepanjang pesta tersebut turut diadakan sukan rakyat dan persembahan kebudayaan serta artis tempatan.

PERTANDINGAN PERLUMBAAN PERAHU NEGERI KELANTAN 2019

PADA : 21 DISEMBER 2019 TEMPAT : PANTAI NDO, TUMPAT



Majlis Daerah Tumpat menganjurkan Pertandingan Perlumbaan Perahu Negeri Kelantan 2019 pada 21 Disember 2019 di Padang Kemahkotaan @ Pantai Ndo, Tumpat. Dalam program ini, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mendapat tempat kedua dalam kategori Jemputan Jabatan. Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan tarikan Pantai Ndo di samping menarik lebih ramai pelancong ke daerah Tumpat.



Program tazkirah kepada peserta

ARTIFAK BARU MUZIUM


MERIAM BOFI FAK 40 MA

Dalam proses menaik taraf Muzium Perang (Bank Kerapu), pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah dihadiahkan satu unit Meriam Bofi Fak 40 Ma daripada Kementerian Pertahanan Malaysia melalui proses pelupusan aset alih kerajaan untuk dijadikan bahan pameran di Muzium Perang. Proses pengambilan Meriam Bofi Fak 40 Ma ini telah diambil pada 7 Oktober 2019 di Rejimen Ke 32 Artileri Diraja, Kem Terendak, Melaka. Pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mewakilkan Encik Zainudin Bin Abdullah selaku Penyelia Muzium Perang untuk proses serah terima Meriam Bofi Fak 40 Ma dihadapan Mejari Roslan bin Ismail. Meriam Bofi ini telah pun mula dipamerkan di Muzium Perang dan menjadi antara salah satu barang artifak baru tarikan kepada pengunjung datang ke Muzium Perang.



PESAWAT ALOUTTE MKIII DAN A4 SKYHAWK

Kementerian Pertahanan Malaysia sekali lagi telah meluluskan permohonan pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bagi mendapatkan sebuah pesawat Aloutte MKIII dan pesawat Skyhawk bagi projek menaik taraf Muzium Perang (Bank Kerapu). Proses pengambilan pesawat Aloutte MKIII ini telah dibuat pada 23 Disember 2019 di Airod Sdn. Bhd, Lapangan Terbang Sultan Aziz Shah Subang. Encik Shahrul Hisham Bin Abd Ra-aid selaku Pembantu Tadbir Kewangan mewakili pihak perbadanan telah menandatangani surat pengesahan penerimaan pesawat di hadapan Kapten Amrin bin Anuwar. Pesawat tersebut berjaya dibawa balik dan telah diletakkan di perkarangan Muzium Perang. Pihak perbadanan juga, telah menerima satu lagi pesawat A4 Skyhawk daripada Kementerian Pertahanan Malaysia yang telah diambil di Pengkalan Udara Kuantan pada 31 Disember 2019. Proses serah terima pesawat ini telah dilakukan sendiri oleh Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, YABrs Encik Arifin bin Haji Hussin di hadapan Mejari Mohd Fareed Bin Ahmad. Kedua-dua pesawat ini telah pun berada di perkarangan Muzium Perang dan pesawat ini perlu melalui proses konservasi oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia sebelum ia dipamerkan kepada orang ramai. Pesawat ini dijangka dipamerkan kepada pengunjung pada awal tahun 2020.



pesawat Aloutte MKIII dan Skyhawk di Muzium Perang Kota BHaru

BERITA STAFF

PERTUKARAN PENGARAH



YABrs. En. Arifin Bin Haji Hussin

Melapor diri di Pejabat Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pada 1 Mei 2019, menggantikan mantan Pengarah YABrs. Tuan Haji Ruslan Bin Haji Hassan yang bertukar ke Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (APC 2018)



**YBrs. En. Shahrul Hisham
B. Abdul Ra-aid @ Ab. Aziz,**
Pembantu Tadbir Kewangan (W19)



YBrs. Pn. Sapinah Bt. Arifin,
Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi (N19)

KOLEKSI BUKU TERBITAN MZKN



Dapatkan Sekarang!!

Bayaran boleh dibuat secara **TUNAI**, **CEK**, **WANG POS** atau **PESANAN KERAJAAN (LO)**
Bayaran mestilah dibuat atas nama: **PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN**.

Nama : **NO. K/P:**

ALAMAT :

Tel: **H/P :** **Faks :**

JUDUL BUKU : **KUANTITI :**

JUMLAH BAYARAN: RM



KERAJAAN NEGERI KELANTAN



PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN


MUSEUMS UNDER KELANTAN STATE MUSEUM CORPORATION



MUZIUM ADAT ISTIADAT DI RAJA KELANTAN
ROYAL CEREMONIES MUSEUM



MUZIUM DIRAJA (ISTANA BATU)
THE ROYAL MUSEUM



MUZIUM PERANG (BANK KERAPU)
WAR MUSEUM



MUZIUM ISLAM
ISLAMIC MUSEUM



MUZIUM KRAFTANGAN
HANDICRAFT MUSEUM



BALAI SENI LUKIS KELANTAN
KELANTAN ART GALLERY



MUZIUM WAU
KITE MUSEUM



MUZIUM KUALA KRAI
KUALA KRAI MUSEUM



MUZIUM-KITA KHAZANAH KITA